

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI
PERTAHANAN MALAYSIA DI UPACARA PERBARISAN TAMAT
LATIHAN PEGAWAI-PEGAWAI KEDET JANGKA PENDEK
KURSUS NO. 10 PADA 15 FEBRUARI 1967

Saya berasa sangat sukacita kerana dapat hadir bersama dengan tuan-tuan sekalian di Upacara Perbarisan Tamat Latihan pada hari ini. Ini adalah kali yang pertamanya saya mendapat peluang membalas tabek kehormatan di upacara yang cemerlang ini. Terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan-tuan sekalian atas kejayaan tuan-tuan capai dalam menamatkan latihan tuan-tuan. Saya juga suka memberi pujian yang tinggi kepada jurulatih-jurulatih yang telah bekerja keras untuk menyempurnakan latihan tersebut pada tempo-hari yang lampau.

Sebagaiman tuan-tuan sedia maklum kerajaan hari ini sentiasa memegang sepenuh keyakinan untuk mempunyai satu Angkatan Tentera yang kuat dan serba lengkap bagi mempertahankan nusa dan bangsa supaya jentera pertahanan kita sentiasa dalam keadaan bersiap sedia bagi menentang sebarang ancaman, baik ancaman dari dalam mahu pun dari luar. Ancaman-ancaman ini masih lagi terdapat di Malaysia Timur dan di sempadan Malaysia/Thailand yang berupa ancaman dari golongan komunis dan anasir-anasir jahat yang mesti dihapuskan sebelum ia dapat menimbulkan keadaan huru-hara dan kacau bilau dalam negara kita ini. Oleh itu tuan-tuan hendaklah memegang teguh kepada tugas yang mulia untuk berbakti dengan sepenuh kecekapan kepada negara ini.

Di sini saya juga suka memperingatkan tuan-tuan supaya sentiasa menjaga sifat-sifat penting bagi seseorang pegawai dalam menjalankan tugas sebagai ketua dalam sesuatu pasukan atau batalion. Sifat-sifat ini saya maksudkan meliputi juga sifat-sifat yang bolih menunjukkan contoh dan tauladan yang tinggi kepada orang-orang di bawah jagaan tuan-tuan dengan menunjukkan kelakuan dan tutur kata yang baik. Saya harap tauladan-auladan yang demikian hendaklah diamalkan pada setiap masa supaya disiplin atau tatatertib yang sempurna dan nama baik Angkatan Bersenjata kita dapat dijaga. Berkenaan dengan perkara ini, saya sangat sukacita menyatakan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberi oleh ahli-ahli Angkatan Tentera kita semasa berlaku banjir di Pantai Timur baru-baru ini telah mendapat pujian dan penghargaan yang tinggi daripada beberapa orang Ahli Dewan Rakyat dan juga akhbar-akhbar yang

terkenal di negara kita. Pujian ini telah diberi atas keberanian dan kecekapan ahli-ahli Angkatan Tentera kita sewaktu menjalankan tugas yang penting bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda mangsa-mangsa banjir itu yang kebanyakannya telah ditimpa bencana itu dengan tidak disedari mereka. Jasa-jasa yang telah diberikan oleh ahli-ahli Angkatan Tentera kita sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam masa kecemasan itu, akan sentiasa dijunjungtinggi oleh rakyat Malaysia seluruhnya. Saya harap tuan-tuan akan dapat memelihara nama yang harum ini atau pun jika boleh meninggikan lagi nama baik yang telah diberi oleh Angkatan Tentera kita.

Tuan-tuan sekalian, akhirnya saya suka berpesan dan berharap semoga tuan-tuan dapat menunjukkan semangat keperwiraan dan taat setia yang tidak berbelah bagi pada setiap masa. Tuan-tuan hendaklah sentiasa berwaspada terhadap ancaman-ancaman yang hendak merosakkan ketenteraman dan kedaulatan negara. Di samping itu tuan-tuan juga hendaklah sentiasa bersiap sedia untuk mempertahankan negara dan memberi perkhidmatan pada masa-masa kecemasan apabila dikehendaki oleh negara kita. Akhirnya saya mengucapkan selamat bertugas dan mendapat sepenuh-penuh kejayaan dalam menjalankan tugas masing-masing.

Terima kasih.